

27 JUN 1996

Muhyiddin-Program

SWASTA DIMINTA BERI KERJASAMA PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN BELIA

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta pihak swasta dan ketua jabatan atau agensi kerajaan membenarkan kakitangan mereka menghadiri Program Kepimpinan Belia 1996-2000.

Mereka tidak harus menghalang mana-mana kakitangan yang dipilih untuk menghadiri program itu yang dijadual dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ogos ini, kata beliau.

"Program ini harus dianggap sebagai satu latihan kemanusiaan dan binadiri yang perlu diberi sokongan oleh semua pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kepimpinan Perdana peringkat Sabah di sini hari ini.

Konvensyen itu yang dihadiri oleh 500 belia daripada pelbagai pertubuhan, adalah sebahagian daripada siri penerangan berhubung program kepimpinan berkenaan.

Muhyiddin berkata mereka yang dipilih untuk menghadiri program itu terdiri daripada belia yang mempunyai potensi dan bakat kepimpinan.

Setakat ini 800 daripada 1,600 jurulatih sudah diberi latihan di 50 pusat latihan belia, untuk melatih para belia yang dipilih menghadiri program kepimpinan itu.

Kementerian akan mengadakan program latihan kepimpinan itu di setiap negeri bagi mengurangkan kos penganjuran.

Dalam ucapannya, Muhyiddin berkata para beliau harus bersedia menghadapi perubahan yang melanda seluruh dunia bagi mengelak mereka daripada terjerumus ke dalam kehancuran peribadi dan moral.

Katanya beliau perlu mengamalkan sikap prihatin dan bertanggungjawab mencegah kemungkaran dan amalan buruk yang dilakukan oleh rakan mereka. --

BERNAMA

OPP MAI